



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

FESTIVAL KARTUN GEN-Z

19 OKTOBER 2024

RUMAH TANGSI  
KUALA UMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
أَشْرَفٍ

المرسلين ،  
و على آله  
و صحبه أجمعين

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita

dapat bersama-sama pada hari ini dalam program yang cukup bermanfaat iaitu Festival Kartun Gen-Z.

2. Saya ambil kesempatan untuk ucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya, Saudara Zunar dan pasukan yang sudi mengundang saya merasmikan program pada hari ini.
3. Difahamkan seramai lebih 180 orang kartunis muda berusia di bawah 30 tahun telah mengambil peluang ini dan juga telah menghasilkan 260 kartun untuk dipamerkan sepanjang festival ini.

# **PERANAN KARTUN DALAM MENYAMPAIKAN MESEJ PENTING**

Para hadirin sekalian,

4. Kartun bukan sekadar bahan hiburan, tetapi ia adalah satu bentuk seni yang mampu menyampaikan mesej penting secara santai, kadangkala sinis tetapi berkesan.
  
  5. Saudara Zunar sebagai contoh, antara pelukis satira yang paling berkesan dalam menggegarkan landskap politik negara. Saya petik kata-kata beliau sewaktu dianugerahkan sebagai

‘Cartooning for Peace Award’ pada tahun 2016 lalu you said ‘lakaran seni dapat memimpin rakyat untuk merentasi garisan ketakutan’. Kata beliau lagi ‘bagaimana saya boleh bersikap neutral, sedangkan pen saya juga punya stand’ (pendirian). Menarik sekali!

6. Lukisan kartun juga memainkan peranan yang besar dalam mencerminkan realiti masyarakat dan menyampaikan isu semasa. Anda semua, para pelukis kartun muda, ada

tanggungjawab yang perlu digalas, iaitu tanggungjawab dalam menyampaikan mesej yang membina, menginspirasi serta mampu menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

7. Sehubungan itu, saya melihat tema yang diangkat iaitu ‘Muhibah dan Perpaduan’ adalah sangat bertepatan dengan semangat Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri

kita. *This is where*, kita boleh lihat bagaimana kartun boleh dijadikan sebagai alat perpaduan kaum.

## **GALAKAN KERAJAAN UNTUK BELIA DALAM INDUSTRI KREATIF MELALUI BELANJAWAN 2025**

Para hadirin sekalian,

8. Seperti semua sedia maklum, semalam YAB Perdana Menteri baru

sahaja selesai membentangkan Belanjawan 2025 yang mengandungi pelbagai inisiatif penting untuk pembangunan negara yang Membangun Ekonomi, Menjana Pelaburan, dan Mensejahterakan Rakyat. Secara keseluruhannya, Belanjawan kali ini memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat dengan kuantum terbesar iaitu sebanyak RM 423 bilion.

9. Dalam pembentangan tersebut, industri kreatif tidak ketinggalan, di mana sebanyak RM 160 juta telah disediakan khusus untuk memperkuuh sektor ini. Peruntukan ini menggambarkan komitmen

kerajaan terhadap pembangunan bakat kreatif di negara kita.

10. Ini adalah antara galakan kerajaan agar lebih ramai belia untuk terlibat dalam sektor ini di mana kreativiti mereka adalah aset penting yang boleh membawa Malaysia ke tahap lebih tinggi di pentas dunia.

## **POTENSI INDUSTRI KREATIF DIGITAL DAN PELUANG MASA DEPAN**

Para hadirin sekalian,

11. Selain daripada lukisan kartun bersifat pegun atau statik seperti ini, saya

berpendapat ada keperluan untuk anda semua cuba meneroka potensi dalam industri kreatif digital, khususnya dalam bidang animasi dan gaming, kerana ini adalah sebahagian daripada industri kreatif yang semakin berkembang pesat di peringkat global dan tempatan.

12. Untuk pengetahuan semua, industri kreatif digital di Malaysia telah menjana perolehan sebanyak RM 6.3 bilion dengan eksport bernilai RM 850 juta yang secara tidak langsung turut menyumbang kepada 11,000 peluang pekerjaan baharu. Menjelang tahun

2027, saiz pasaran industri kreatif digital ini dijangka mencecah sehingga USD 687.4 bilion, *globally*.

13. Ini membuktikan bahawa industri ini ada potensi untuk terus berkembang, terutamanya dengan peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kreatif di peringkat antarabangsa.

## **POTENSI TARIK PELANCONGAN MELALUI SENI KARTUN**

Para hadirin sekalian,

14. Menjelang Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026, mungkin semua kartunis Gen Z

pada hari ini dapat membantu saya mencantikkan bandar raya Kuala Lumpur kalau secara ‘pro-bono’.

15. Sebagai contoh, di Tokyo, seni kartun dipamerkan di kawasan awam seperti di *construction site hoarding* dan ini secara tidak langsung dapat menjadi salah satu tarikan pelancong yang mengunjungi Malaysia. Kita boleh bincang untuk mungkin kita mulakan di Kuala Lumpur.

16. Saya tahu telah ada dan saya dah melihat di beberapa kawasan, tapi boleh diperkembangkan lagi, especially di tourist attraction, areas, and centres.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

17. Akhirnya, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa kartun ini bukan sahaja sebagai alat hiburan, tetapi juga merupakan sebuah medium komunikasi yang berkesan. Apa yang lebih penting ialah ia mampu menyampaikan mesej perpaduan, muhibah dan nilai-nilai positif yang sama-sama kita junjung.

18. Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada Saudara Zunar dan pasukannya atas penganjuran program yang cukup hebat seperti ini.
19. Untuk itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Festival Kartun Gen-Z.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.